



MAJLIS PERBANDARAN JASIN
77000 JASIN
MELAKA

Telefon :
Pejabat Am : 06-5291245 / 5291811
URL : www.mpjasin.gov.my

JAWATAN KOSONG

Pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Melaka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Jasin.

BIL	JAWATAN	GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	BIL KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera	JA29	RM1,549.00	RM5,701.00	1	TETAP
2	Penolong Pegawai Penilaian	W29	RM1,498.00	RM5,678.00	1	TETAP
3	Pembantu Akauntan	W19	RM1,353.00	RM4,005.00	1	TETAP
4	Pembantu Kesihatan Awam	U19	RM1,360.00	RM4,052.00	2	TETAP
5	Pembantu Penguat Kuasa	KP19	RM1,360.00	RM4,052.00	6	KONTRAK
6	Pembantu Awam	H11	RM1,218.00	RM2,939.00	1	TETAP
7	Pemandu Kenderaan	H11	RM1,218.00	RM2,939.00	1	TETAP

Jawatan 1 – Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera Gred JA29

Skim Perkhidmatan : Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera
Jabatan : Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
Gred Jawatan : JA29
Jadual Gaji : RM1,549.00 (Minimum) – RM5,701.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
 - (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.00);
- dan (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Tambahan :

- (a) Memiliki Sijil dalam bidang senibina yang diiktiraf oleh Kerajaan atau Politeknik Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf: atau
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.

Jawatan 2 – Penolong Pegawai Penilaian Gred W29

Skim Perkhidmatan : Penolong Pegawai Penilaian
Jabatan : Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
Gred Jawatan : Gred W29
Jadual Gaji : RM1,498.00 (Minimum) – RM5,678.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pengurusan Harta yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - (iii) Diploma dalam bidang pengurusan harta atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,851.28);
- dan (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 3 – Pembantu Akauntan Gred W19

Skim Perkhidmatan : Pembantu Akauntan
Jabatan : Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
Gred Jawatan : Gred W19
Jadual Gaji : RM1,353.00 (Minimum) – RM4,005.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam bidang Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,353.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,409.40); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,409.40); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,465.80); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,465.80);
- dan (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 4 – Pembantu Kesihatan Awam Gred U19

Skim Perkhidmatan : Pembantu Kesihatan Awam
Jabatan : Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan Dan Kesihatan
Gred Jawatan : U19
Jadual Gaji : RM1,360.00 (Minimum) – RM4,052.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred U19 : RM1,360.00);
- dan (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Tambahan :

- (a) memiliki Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Jawatan 5 – Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19

Skim Perkhidmatan	: Pembantu Penguat Kuasa
Jabatan	: Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	: Keselamatan Dan Pertahanan Awam
Gred Jawatan	: KP19
Jadual Gaji	: RM1,360.00 (Minimum) – RM4,052.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
 - (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,416.40); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,472.80); atau
- dan (d) mempunyai **syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera** seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata.
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- dan (e) Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 6 – Pembantu Awam Gred H11

Skim Perkhidmatan : Pembantu Awam

Jabatan : Majlis Perbandaran Jasin, Melaka

Kumpulan Perkhidmatan : Pelakaksana

Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

Gred Jawatan : H11

Jadual Gaji : RM1,218.00 (Minimum) – RM2,939.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,218.00);
- dan (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 7 – Pembantu Kenderaan Gred H11

Skim Perkhidmatan : Pemandu Kenderaan
Jabatan : Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
Gred Jawatan : Gred H11
Jadual Gaji : RM1,218.00 (Minimum) – RM2,939.00 (Maksimum)

Syarat-syarat

- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - (ii) lesen memandu Kelas E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - (iii) berkebolehan memandu dan mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh Skim Perkhidmatan ini.
- dan (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA-CARA MEMOHON:

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Perjawatan Majlis Perbandaran Jasin.
- (b) Borang boleh didapati dengan hadir sendiri pada hari bekerja biasa di Pejabat Majlis Perbandaran Jasin serta melayari Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran Jasin (www.mpjasin.gov.my).
- (c) Borang permohonan hendaklah disertakan dengan gambar dan salinan Sijil Kelahiran, Sijil Kelulusan, Sijil Berhenti Sekolah serta lain-lain dokumen yang berkaitan. (Setiap salinan perlu diakui sah oleh mana – mana Ketua Kampung, JKKK atau Ketua Jabatan).
- (d) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan bahawa salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi yang terkini disertakan bersama.
- (e) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN JASIN,
77000 JASIN,
MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH.**

- (f) Tarikh tutup permohonan ialah pada **8 MAC 2017**.
- (g) Permohonan yang berikut akan ditolak sekiranya :-
 - a) Tidak disertakan dokumen yang diperlukan
 - b) Tidak lengkap
 - c) Tidak memenuhi syarat-syarat dalam iklan
 - d) Tidak menandatangani borang permohonan

CATITAN

- (a) Hanya calon-calon yang berkelayakan selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan atau setelah ditemuduga tidak menerima jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan / temuduga hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) **Pentadbiran Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.**